

Pembangunan Ekonomi

Satu Sedutan Sejarah

Perancangan pembangunan di Malaysia bermula pada tahun 1950 dengan penerbitan Draf Pelan Pembangunan Malaya. Setakat ini, sejumlah 27 dokumen perancangan pembangunan telah disediakan, tiga daripadanya merupakan rangka rancangan jangka panjang dan 26 ialah rancangan pembangunan lima tahun. Ini termasuk Draf Pelan Pembangunan Malaya yang merangkumi tempoh enam tahun* dan kajian separuh penggal bagi rancangan pembangunan lima tahun berkenaan.

Bil	Tajuk Pelan	Jangkamas a	Tarikh Dibentangka n	Kandungan	
				Bab	Muka Surat
1.	Draf Pelan Pembangunan Malaya	1950-1955*	Jun 1950	4	174
2.	Laporan Kemajuan Pelan Pembangunan	1950-1952	1953	N/A	N/A

3.	Pelan Pembangunan Umum (Pelan Malaya Pertama)	1956-1960	Okt 1956	N/A	N/A
4.	Pelan Lima-Tahun Kedua (Pelan Malaya Kedua)	1961-1965	1 Sep 1961	4	68
5.	Penyemakan Interim Pelan Lima-Tahun	1961-1965	Dis 1963	5	76
6.	Rancangan Malaysia Pertama	1966-1970	25 Nov 1965	14	190
7.	KSP Rancangan Malaysia Pertama	1966-1970	25 Jan 1969	9	135
8.	Rancangan Malaysia Kedua	1971-1975	25 Jun 1971	17	267
9.	KSP Rancangan Malaysia Kedua	1971-1975	20 Nov 1973	12	213
10.	Rancangan Malaysia Ketiga	1976-1980	5 Jul 1976	24	430
11.	KSP Rancangan Malaysia Ketiga	1976-1980	3 Sep 1979	18	253

12.	Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP1)	1971-1990	-	-	40
13.	Rancangan Malaysia Keempat	1981-1985	16 Mac 1981	24	414
14.	KSP Rancangan Malaysia Keempat	1981-1985	29 Mac 1984	17	424
15.	Rancangan Malaysia Kelima	1986-1990	21 Mac 1986	23	568
16.	KSP Rancangan Malaysia Kelima	1986-1990	23 Jun 1989	13	295
17.	Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2)	1991-2000	17 Jun 1991	6	180
18.	Rancangan Malaysia Keenam	1991-1995	07 Okt 1991	17	467
19.	KSP Rancangan Malaysia Keenam	1991-1995	16 Dis 1993	9	272
20.	Rancangan Malaysia Ketujuh	1996-2000	5 Jun 1996	23	744
21.	KSP Rancangan Malaysia Ketujuh	1996-2000	22 Apr 999	12	392

22.	Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3)	2001-2010	03 Apr 2001	7	200
23.	Rancangan Malaysia Kelapan	2001-2005	23 Apr 2001	22	658
24.	KSP Rancangan Malaysia Kelapan	2001-2005	30 Okt 2003	13	485
25.	Rancangan Malaysia Kesembilan	2006-2010	31 Mac 2006	27	587
26.	KSP Rancangan Malaysia Kesembilan	2006-2010	26 Jun 2008	5 (Teras)	128
27.	Rancangan Malaysia Kesepuluh	2011-2015	10 Jun 2010	7	449
28.	Rancangan Malaysia Kesebelas	2016-2020	25 Mei 2015	10	389
29.	KSP Rancangan Malaysia Kesebelas	2016-2020	18 Okt 2018	15	411

Nota: KSP - Kajian Separuh Penggal

Proses dan Jentera Perancangan dan Pemantauan Pembangunan Negara

Perancangan di Malaysia adalah proses interaktif antara MEA (yang dahulunya dikenali sebagai UPE, JPM) dan pihak berkepentingan, termasuklah kementerian dan agensi, kerajaan negeri, ahli akademik, pihak swasta dan badan bukan kerajaan. Di samping itu, input daripada pihak agensi antarabangsa turut diambil kira. Penetapan sasaran makro dan sektoral akan dibincangkan dan dipersetujui di dalam mesyuarat Kumpulan Perancang Antara Agensi (IAPG) yang mana MEA merupakan urusetia. Proses perancangan pembangunan sosioekonomi dilaksanakan melalui pendekatan “atas ke bawah” (top down) dan “bawah ke atas” (bottom up) bertujuan untuk memastikan dasar dan strategi negara direalisasikan melalui pengoptimuman sumber serta pembangunan seimbang dalam pelbagai aspek dapat dilaksanakan dan diintegrasikan sepenuhnya dengan teras pembangunan negara.


Parlimen merupakan peringkat tertinggi dalam perancangan pembangunan negara. Sebelum sesuatu rancangan dibentangkan di Parlimen, draf rancangan terlebih dahulu dibincang di peringkat Jawatankuasa Jemaah Menteri dan Jawatankuasa Khas Perdana Menteri. Manakala Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN) pula, merupakan badan tertinggi di peringkat pegawai Kerajaan dalam pembentukan dan penyelarasan dasar yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN). Draft rancangan dan dasar yang dicadangkan di peringkat JPPN akan

dibentangkan kepada Majlis Pembangunan Negara yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri sebelum dibawa untuk pertimbangan Jemaah Menteri.

Dari segi mekanisme pelaksanaan dan pemantauan pula, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) telah dipertanggungjawab untuk memantau pencapaian pelaksanaan dasar dan program serta projek Kerajaan pada peringkat kementerian dan agensi. Arahan No.1, 2018: Jentera Penyelarasan Pelaksanaan merupakan punca kuasa bagi memastikan mekanisme penyelarasan dan pemantauan pelaksanaan program dan projek pembangunan Kerajaan pada peringkat Persekutuan, negeri dan daerah berjalan lancar. Laporan penilaian perlaksanaan pada setiap peringkat akan dibentangkan secara berkala bagi setiap suku tahunan kepada Jawatankuasa Kerja Tindakan Negara yang dipengerusikan oleh KSN sebelum dibawa kepada Majlis Tindakan Negara yang merupakan peringkat tertinggi dalam tadbir urus pemantauan pembangunan negara.

Proses dan jentera perancangan dan pemantauan dasar pembangunan sosioekonomi negara dapat diperjelaskan seperti dalam paparan di bawah:

Proses dan Jentera Perancangan dan Pemantauan Pembangunan



Falsafah Pembangunan

Pendekatan dan falsafah perancangan pembangunan negara mengambil kira:

- Sebuah negara yang mengamalkan dasar ekonomi terbuka;
- Sebuah negara berbilang etnik;
- Sebuah sistem ekonomi campuran; dan
- Sebuah negara persekutuan yang mengandungi 13 negeri, dan tiga wilayah persekutuan.

Horizon Perancangan

Perancangan pembangunan di Malaysia mempunyai tiga peringkat yang meliputi jangka panjang, sederhana dan pendek seperti berikut :

Perancangan Jangka Panjang

- Model Baru Ekonomi, 2011 - 2020
- Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3), 2001 - 2010
- Wawasan 2020, 1991 - 2020
- Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2), 1991 - 2000
- Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP1), 1971 - 1990

Perancangan jangka panjang menetapkan teras dan strategi yang menyeluruh untuk mencapai sasaran di bawah agenda pembangunan negara dalam jangkamasa panjang.

Perancangan Jangka Sederhana

- Rancangan pembangunan lima tahun, seperti Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), 2016-2020
- Kajian Separuh Penggal (KSP) bagi rancangan pembangunan lima tahun

Perancangan jangka sederhana meliputi lima tahun berdasarkan rangka kerja yang ditetapkan oleh RRJP. Ia merupakan dokumen utama untuk

pelaksanaan program pembangunan Kerajaan. Rancangan pembangunan lima tahun menetapkan sasaran pertumbuhan ekonomi dan juga siling peruntukan untuk program pembangunan sektor awam. Di samping itu, ia juga menggariskan peranan sektor swasta.

Kajian Separuh Penggal (KSP) bagi rancangan lima tahun dilaksanakan di pertengahan tempoh lima tahun. KSP bertujuan untuk menyemak semula prestasi pencapaian rancangan dasar ekonomi makro dan sektoral untuk dua tahun pertama Rancangan serta membuat pelarasan semula strategi bagi mencapai semakan sasaran baru sekiranya perlu. Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, kaedah 2 tahun rolling plan diperkenalkan bagi membolehkan keutamaan program dan projek disemak berdasarkan kemampuan kewangan semasa Kerajaan agar lebih efektif.


Perancangan Jangka Pendek

- Bajet Tahunan

Perancangan jangka pendek merupakan Bajet Tahunan yang disediakan oleh Kementerian Kewangan. Dasar dan strategi pelaksanaan tahunan adalah selari dengan perancangan jangka sederhana dan panjang. Penyediaan bajet tahunan mengambil kira pandangan semua pihak berkepentingan termasuk sektor swasta dan badan bukan kerajaan melalui dialog bajet. Peruntukan pembangunan tahunan disediakan berdasarkan senarai program dan projek pembangunan yang telah diluluskan di bawah 2 tahun *rolling plan*.

Secara keseluruhannya, horizon perancangan pembangunan negara dapat dilihat seperti dalam paparan di bawah.

Perancangan Sistematik Dalam Dasar Pembangunan Negara



* Kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih pentadbiran setelah PRU14, 2018 dan menetapkan keutamaan baharu